

DYMENATE SYRUP

Dimenhydrinate (12.5 mg/5 ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dymenate Syrup
2. Bagaimana Dymenate Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dymenate Syrup
4. Cara menggunakan Dymenate Syrup
5. Semasa menggunakan Dymenate Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dymenate Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dymenate Syrup

Dymenate Syrup digunakan sebagai anti muntah dalam pencegahan dan rawatan mabuk perjalanan; untuk rawatan simptom-simptom loya dan pening disebabkan oleh penyakit Meniere's dan lain-lain gangguan di dalam telinga.

Bagaimana Dymenate Syrup berfungsi

Ia mempunyai tindakan antihistamin dan mempunyai kesan anti muntah.

Sebelum menggunakan Dymenate Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dymenate Syrup jika anda mempunyai hipersensitiviti kepada Dimenhydrinate atau lain-lain kandungan tersenarai pada akhir risalah ini.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil Dymenate Syrup jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Ia boleh menyembunyikan simptom-simptom keracunan telinga.

Jangan ambil Dymenate Syrup jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan Dymenate Syrup

Dimenhydrinate mempunyai tindakan seperti atropine dan harus digunakan dengan berhati-hati jika anda mempunyai sejarah asma, peningkatan tekanan dalam mata, kelenjar tiroid yang terlampau aktif, penyakit jantung dan saluran darah atau tekanan darah tinggi.

Anda perlu mengelakkan minuman beralkohol. Ia perlu digunakan dengan berhati-hati jika anda menghadapi sawan, pembesaran prostat dan susah kencing.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan terutamanya:

- Monoamine oxidase inhibitors (anti kemurungan)
- Erythromycin (antibiotik)
- Ketoconazole (anti kulat)

Cara menggunakan Dymenate Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk mabuk perjalanan:

Dewasa: 4 – 8 sudu teh penuh (20 ml – 40 ml) diberi sekurang-kurangnya 30 minit sebelum perjalanan dan mungkin diulang setiap 4 jam jika perlu (tidak melebihi jumlah dos harian 24 sudu teh penuh (120 ml).

Kanak-kanak 2 – 5 tahun:

1 – 2 sudu teh penuh (5 ml – 10 ml), 2 – 3 kali sehari

Kanak-kanak 6-12 tahun:

2 - 4 sudu teh penuh (10 ml – 20 ml), 2 – 3 kali sehari

Untuk pencegahan mabuk perjalanan, dos pertama perlu diambil 30 minit sebelum perjalanan.

Untuk penyakit Meniere's: 2 - 4 sudu teh penuh (10 ml – 20 ml), 3 kali sehari.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dymenate Syrup untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda dan simptom dos berlebihan- mulut kering, anak mata membesar, muka memerah, simptom-simptom perut dan usus boleh berlaku.

Semasa menggunakan Dymenate Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dymenate Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor dan ahli farmasi anda.

Jangan beri Dymenate Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai

DYMENATE SYRUP

Dimenhydrinate (12.5 mg/5 ml)

simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ia boleh menyebabkan rasa mengantuk dan anda tidak boleh memandu atau mengendalikan mesin jika ia memberi kesan terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dymenate Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kebanyakan kesan sampingan yang kerap adalah menenangkan, mengantuk, pening, gangguan koordinasi, iritasi perut, dan kelikatan rembesan saluran pernafasan.

Kesan sampingan yang kurang kerap adalah hipersensitiviti, ruam kulit, mulut kering, sukar membuang air kecil, cepat marah, susah tidur, kegembiraan berlebihan, penglihatan kabur, deringan dalam telinga, rasa berputar, keradangan urat saraf, sawan, sakit kepala, jantung berdebar dengan laju, tekanan darah rendah, susah kencing, lemah otot, denyutan jantung meningkat dan menggeletar.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Dymenate Syrup

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak Simpan di tempat kering di bawah 25°C Pastikan bekas ditutup rapat Goncang sebelum guna Lindungi daripada cahaya

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda

mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna kuning dengan perisa peach.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Dimenhydrinate

- Bahan-bahan tidak aktif

Peach Flavour, Propyl Paraben, Methyl Paraben, Rhodigel (Xanthan Gum), Deionised Water, Chloroform Spirit, Liquid Glucose, Syrup & Quinoline Yellow.

- MAL number

MAL19910824AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/09/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)100718/00191